

13 MAR, 2024

Gaji lumayan angkat martabat graduan TVET

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Gaji lumayan angkat martabat graduan TVET

ANALISIS
MUKA 16MOHD NASRI
JAMALUDIN

I su Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kembali hangat apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini mencadangkan graduan bidang berkenaan dibayar gaji melebihi RM4,000.

Menurut Ahmad Zahid, langkah menetapkan tanda aras gaji itu salah satu usaha memantapkan sektor TVET di Malaysia yang menjadi pilihan kedua buat anak muda untuk menyambung pengajian di peringkat tinggi.

Ini kerana, industri TVET sering dikaitkan dengan pelajar yang tercicir dalam bidang akademik atau tidak mempunyai kelulusan akademi yang cemerlang.

Dalam suasana ekonomi hari ini, penulis yakin bidang TVET pasti kembali diminati pelajar. Tambahan pula kerajaan bersama pihak-pihak terlibat giat memberi pendedahan mengenai TVET. Pastinya, tawaran gaji lebih RM4,000 satu tarikan utama.

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika menjadi Menteri Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun lalu mendedahkan, seramai 29,000 graduan belum mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian pada 2022. Jumlah itu berdasarkan data rasmi sistem kajian pengesanan graduan yang dikeluarkan kementerian.

Katanya, jumlah graduan yang belum mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian

pada 2021 ialah 41,467 orang atau 14.5 peratus.

Selain itu, penularan Covid-19 pada tahun 2020 telah mencetus lonjakan untuk sektor perkhidmatan dalam talian di Malaysia dengan berlaku peningkatan jumlah pekerja e-hailing dan p-hailing.

Statistik terbaharu 2023 turut menunjukkan ramai lepasan SPM memilih untuk menceburi bidang e-hailing dan p-hailing secara separa masa atau sepenuh masa. Bidang ini menarik minat anak muda kerana ia memberi kebebasan untuk bekerja tanpa majikan.

Bagaimanapun, bidang ini tidak lepas daripada mempunyai masalah tersendiri. Sejak kebelakangan ini sering terdengar rungutan penunggang e-hailing atau p-hailing yang tidak berpuas hati dengan kadar upah yang rendah.

Keadaan itu memaksa mereka membuat tuntutan kepada pihak syarikat untuk mengembalikan upah penghantar kepada yang asal berbanding sekarang hanya RM1 ke RM3.50.

Melihat kepada dua situasi di atas, penawaran gaji melebihi RM4,000 mampu menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka mendalami ilmu dalam bidang TVET.

Dua institusi TVET awam telah ditubuhkan pada tahun 1964 untuk menyediakan latihan kemahiran kepada belia ialah Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur.

Kini lebih daripada 500 institusi TVET awam yang menawarkan pelbagai program TVET bagi semua peringkat pendidikan.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini menyatakan seramai 100,000 pelatih TVET bakal dilahirkan.

“

Industri TVET sering dikaitkan dengan pelajar yang tercicir dalam bidang akademik atau tidak mempunyai kelulusan akademi yang cemerlang.”

Menurut beliau, usaha tersebut disumbangkan menerusi penyertaan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta syarikat swasta dalam mempertingkatkan keupayaan dan kualiti TVET negara melibatkan syarikat berkaitan kerajaan.

“Dengan sasaran gaji lebih tinggi daripada yang diperolehi sekarang iaitu sebanyak RM3,000. Sekarang yang terlibat secara aktif ialah Petronas, Sime Darby, MRCB, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia.

“Kita anggap ini permulaan kecil yang harus diperluaskan. Anak-anak daripada keluarga Felda harus diberi peluang dan keadilan dan jangan dibiarkan tersisih dan terpinggir,” katanya.

Justeru, ibu bapa atau mereka yang berminat menceburi bidang ini, jangan risau kerana lulusan program TVET mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal dengan lebih baik berbanding lulusan program akademik.

Kelebihan ini berpotensi untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada lulusan TVET.

*Mohd Nasri Jamaludin ialah Editor Pengisian Berita Online